

# Tak patut timbul belum layak tanding PRU-13

Sebagai mahasiswa, kami rasa terpenggil untuk memberi reaksi kepada berita muka hadapan *BH* bertajuk 'Pelajar IPT boleh tanding PRU-13' terbitan 15 Disember lalu.

Kami percaya bahawa kenyataan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, bahawa kerajaan membenarkan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) bertanding pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) adalah keputusan yang bijak dan sememangnya dinanti-nantikan oleh kebanyakan mahasiswa.

Kami agak terkejut dengan kenyataan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) yang disiarkan *BH* pada 16 Disember lalu bahawa mahasiswa belum bersedia dan belum layak bertanding pada PRU-13.

## Mahasiswa berkelayakan jadi calon

Pada pandangan kami, apabila kerajaan memberi keizinan, bukanlah bermakna kerajaan mewajibkan semua mahasiswa untuk menjadi calon PRU-13, tetapi kerajaan membuka ruang dan peluang kepada mahasiswa yang berkelayakan untuk menjadi calon.

Justeru, isu mahasiswa tidak bersedia atau tidak layak tidak sepatutnya timbul.

Kami kurang bersetuju dengan kenyataan Setiausaha Agung MPP Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada hari sama iaitu kerajaan terlalu agresif dan keizinan ini boleh dilaksanakan apabila mahasiswa mencapai tahap kematangan sebenar.

## Kayu ukur tahap kematangan

Persoalannya, bagaimana kita mengukur tahap kematangan mahasiswa? Adakah apabila mahasiswa menjadi graduan barulah dikatakan mereka mencapai tahap kematangan sebenar? Adakah umur menjadi kayu ukur kematangan mahasiswa?

Sekiranya umur yang dijadikan kayu ukur tahap kematangan seseorang, bagaimana mungkin Sultan Muhammad Al-Fateh mampu menaiki takhta pemerintahan Empayar Uthmaniyah ketika berumur 19 tahun dan berjaya menakluki Kota Constantinople pada usia 21 tahun?

Faktor usia bukanlah kayu ukur kematangan seseorang. Selagi persepsi bahawa mahasiswa belum layak dan belum cukup matang untuk menjadi wakil rakyat tidak diubah, kami yakin masyarakat juga tidak akan meletakkan kepercayaan kepada mereka untuk memimpin negara.

**Mazyyah, Sakinah, Hana, Liyana, Ain,**  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM